

MUIP laksana pemutihan senarai asnaf bantuan zakat

Majlis kenal pasti ada penerima miliki simpanan ratusan ribu

Kuantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) mengenal pasti terdapat penerima bantuan zakat bulanan daripada agensi itu mempunyai wang simpanan hingga ratusan ribu.

Sehubungan itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya (Baitulmal dan Operasi), Dr Asmadi Abdul Rahman, berkata penting bagi melaksanakan pemutihan supaya bantuan zakat hanya disalurkan kepada individu yang sememangnya layak.

Katanya, selepas melaksanakan pemutihan pihaknya akan menamatkan bantuan kepada mereka yang keluar dari Pahang, tidak dapat dihubungi dan pendapatan sudah tidak melayakkan mereka bergelar asnaf.

“Terkini kami sedang kenal pasti lagi individu mempunyai simpanan dalam bank. Ada yang kami dapati mempunyai simpanan hingga ratusan ribu dan masih menerima bantuan.



Asmadi (tiga dari kiri) menyerahkan bantuan motosikal kepada asnaf untuk program ‘MUIP Food Rider’ selepas Majlis Agihan Bantuan Zakat di Kuantan, semalam.

(Foto FB Asmadi Abdul Rahman)

“Selepas semakan dan penge-
sahan dilaksanakan, kita akan
hentikan bantuan kepada mereka
serta-merta,” katanya kepada
pemberita selepas Majlis Agihan
Bantuan Zakat, di sini semalam.

11,146 penerima

Asmadi berkata, bantuan yang
diberikan adalah untuk menam-
pung keperluan dan bukan seba-
gai tabungan.

Katanya, pihaknya turut men-

gadakan kerjasama dengan ketua
kampung serta pertubuhan bu-
kan kerajaan (NGO) dalam melak-
sakan pemutihan.

Beliau berkata, hingga kini
MUIP merekodkan 11,146 pene-
rima bantuan bulanan di seluruh
Pahang yang menerima bantuan
dalam bentuk tunai dan bawar.

Pada majlis berkenaan, lebih
RM410,551 wang zakat diagihkan
bagi tujuan sumbangan komputer
riba kepada anak asnaf yang akan

melanjutkan pengajian ke insti-
tusi pengajian tinggi dan pem-
biayaan pinjaman Perbadanan
Tabung Pendidikan Tinggi Na-
sional (PTPTN) pelajar miskin
cemerlang.

Selain itu, buat julung kalinya
MUIP melaksanakan program
‘MUIP Food Rider’ dengan menyedi-
akan bantuan motosikal kepada
10 asnaf bagi menjana pendapatan
sebagai penghantar makanan.

BERNAMA